

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK THEODORE DOUGLAS LIND

TARIKH : 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 55

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian sudah bersedia untuk mengadakan rancangan yang terperinci untuk memindahkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) ke satu kawasan yang sesuai untuk memenuhi permintaan trafik udara dan penumpang yang akan bertambah di masa akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 9 juta penumpang setahun (mppa). Jumlah penumpang yang telah dikendalikan pada tahun 2018 di KKIA telah mencapai sebanyak 8.6 juta penumpang iaitu hampir 95% daripada kapasiti sedia ada. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebelum dari ini telah mengunjurkan kapasiti KKIA dijangka akan mencapai had kapasiti maksimum pada tahun 2021.
2. Pada ketika ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk memindahkan KKIA ke lokasi yang baharu mengambil kira pelaburan sebanyak RM1.6 billion pada tahun 2006 yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menaiktaraf lapangan terbang tersebut.
3. Sehubungan itu, Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf KKIA bagi meningkatkan lagi kapasiti sedia ada bagi menampung perkembangan industri penerbangan. Satu Kajian Pelan Induk mengenai pembesaran KKIA akan dijalankan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad dan pihak perunding kajian dijadualkan akan dilantik pada bulan Ogos 2019. Kajian tersebut akan mengambil masa selama 7 bulan dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2020. Hasil kajian ini akan menentukan samada KKIA ini akan diperbesarkan atau dipindahkan ke satu tempat yang sesuai.
4. Dalam pada itu, Kementerian ini juga mengambil maklum bahawa Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) sedang menjalankan Kajian Pelan Induk untuk Hub Penerbangan Dan Logistik Fret Udara di Sabah. Kajian ini menggariskan beberapa opsyen sama ada menaiktaraf KKIA sedia ada atau memindahkan KKIA ke lokasi baru. Namun demikian, kajian ini masih berjalan dan di peringkat Laporan Draf Akhir. Kerajaan akan

NO. SOALAN: 55

meneliti cadangan kajian setelah ianya dimuktamad dan dikemukakan oleh SEDIA.

Sekian, terima kasih.